

KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB

LISAN YANG TIDAK DIJAWAB DI DALAM DEWAN

(SOALAN NO.7, NO.9, NO. 11 HINGGA 50)

(JAWAPAN BAGI SOALAN NO.5 DIJAWAB BERSEKALI

DENGAN SOALAN NO.49)

NOTA: [RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB
LISAN YANG DIJAWAB DI DALAM DEWAN (SOALAN NO. 1 HINGGA 10)**

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. DATUK MADIUS TANGAU [TUARAN]

TARIKH : 6.11.2014

SOALAN :

Datuk Madius Tangau [Tuaran] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk memberikan peruntukan sepenuhnya untuk membina bangunan ataupun membaik pulih bangunan sekolah-sekolah Mubaligh.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Dewan Yang Mulia, semua sekolah tanpa mengira jenis dan lokasinya telah mendapat perhatian daripada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Namun demikian keutamaan penambahbaikan sesebuah institusi pendidikan itu bergantung kepada keadaan fizikal dan keupayaan kewangan kerajaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat di bawah Tabung Penyelenggaraan Institusi pendidikan sama ada di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi (PRE), Pakej Rangsangan Khas (PRK) atau peruntukan penyelenggaraan biasa, sekolah-sekolah mubaligh telah diberikan peruntukan yang sesuai sama ada menyelenggara atau membaik pulih bangunan sekolah-sekolah berkenaan.

Sehingga kini sebanyak 428 buah sekolah Mubaligh telah mendapat manfaat daripada program ini. Melalui PRE sebanyak RM100 juta telah disalurkan bagi menyelenggara atau membaik pulih bangunan sekolah Mubaligh. Manakala sebanyak RM250 juta pula telah diperuntukkan bagi menyelenggara atau membaik pulih bangunan sekolah Mubaligh bagi tahun 2012, 2013 dan 2014

RJM96

NO. SOALAN: 9

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI NOH BIN HAJI OMAR
[TANJONG KARANG]**

TARIKH : 6 NOVEMBER 2014

SOALAN:

Datuk Seri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang] minta PERDANA MENTERI menyatakan berapakah jumlah pelajar Malaysia di bawah penajaan Kerajaan yang telah tamat belajar tetapi masih belum pulang ke Malaysia dan apakah punca keadaan ini berlaku.

JAWAPAN : YB DATO' SERI SHAHIDAN BIN KASSIM
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Perkhidmatan Awam telah memberi penajaan kepada 6,731 graduan dari tahun 2010 hingga Jun 2014 di 19 buah negara iaitu Amerika Syarikat, Australia, India, Indonesia, Ireland, Jepun, Jordan, Kanada, Korea, Hong Kong, Mesir, New Zealand, Perancis, Poland, Republik Czech, Jerman, Republik Russia, Singapura dan United Kingdom. Daripada jumlah tersebut seramai 66 graduan masih belum menamatkan pengajian kerana memohon pelanjutan pengajian.

Kesemua graduan-graduan tajaan JPA adalah tertakluk kepada Dasar Penangguhan Bagi Biasiswa atau Pinjaman Tajaan Jabatan Perkhidmatan Awam yang diluluskan pada 16 Januari 2012 atas alasan berikut:

- (i) Melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi dengan tajaan JPA di bawah Program Pelajar Cemerlang; atau
- (ii) Melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi dengan tajaan sendiri; atau
- (iii) Melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi dengan

tajaan universiti yang tidak melibatkan sebarang percanggahan kontrak yang telah ditandatangani oleh pihak Kerajaan

Dalam hal ini, kesemua pelajar-pelajar tajaan wajib untuk kembali berkhidmat di Malaysia setelah tamat tempoh pengajian. Jabatan Perkhidmatan Awam juga berhak untuk mengenakan tindakan undang-undang iaitu pembayaran balik tuntutan gantirugi penuh tajaan pada pelajar yang enggan untuk pulang ke Malaysia.

Selain itu, Jabatan Perkhidmatan Awam juga dengan kerjasama Talent Corporation Malaysia Berhad dan Razak School of Government Malaysia telah mewujudkan inisiatif-inisiatif seperti Program *Talent Acceleration in Public Service*(TAPS), *Scholarship Talent Attraction and Retention Program* (STAR) bagi mengekalkan modal insan berkemahiran tinggi untuk berkhidmat di Malaysia. Sehingga kini, sebanyak 767 syarikat yang terdiri daripada *government link companies*, syarikat-syarikat swasta dan juga badan-badan berkanun telah berdaftar di bawah program iniyang membolehkan pelajar tajaan disalurkan/ditempatkan dan seterusnya memenuhi ikatan kotrak yang telah ditetapkan.

Sekian. Terima kasih.